



8 Januari 2016
8 January 2016
P.U. (B) 4

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PENENTUAN AWAL NEGATIF PENYIASATAN MENGENAI KELUARAN GEJELUNG GULUNGAN PANAS YANG DIIMPORT KE DALAM MALAYSIA

*NOTICE OF NEGATIVE PRELIMINARY DETERMINATION OF
AN INVESTIGATION WITH REGARD TO HOT ROLLED COILS
PRODUCTS IMPORTED INTO MALAYSIA*



DISIARKANOLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PELINDUNG 2006

NOTIS PENENTUAN AWAL NEGATIF PENYIASATAN MENGENAI KELUARAN GEGELUNG GULUNGAN PANAS YANG DIIMPORT KE DALAM MALAYSIA

(SM 01/15)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 20(2) Akta Pelindung 2006 [*Akta 657*] dan peraturan 10 Peraturan-Peraturan Pelindung 2007 [P.U. (A) 386/2007], Kerajaan telah membuat penentuan awal negatif berhubung dengan penyiasatan mengenai keluaran gegelung gulungan panas yang diimport ke dalam Malaysia sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan 1 (“keluaran”).

Keluaran yang disiasat dan pengelasan tarif

1. Keluaran yang disiasat dan pengelasan tarifnya adalah seperti yang berikut:
 - (a) besi atau keluli bukan aloi keluaran gegelung gulungan rata, yang digulung panas, tidak dilitup, disadur atau disalut, dan keluli aloi lain keluaran gulungan rata, dalam gegelung, tidak dijadikan lebih daripada gulungan panas, yang mempunyai kelebaran 600 milimeter atau lebih dan ketebalan antara 1.20 milimeter hingga 22.00 milimeter; dan
 - (b) keluaran yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7208.36 000, 7208.37 000, 7208.38 000, 7208.39 200, 7208.39 900 dan 7225.30 000 dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7208.36.00 00, 7208.37.00 00, 7208.38.00 00, 7208.39.00 20, 7208.39.00 90 dan 7225.30.90 00.
2. Kod H.S. dan AHTN ini diberikan hanya untuk makluman dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap pengelasan keluaran itu.

Keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung

3. Keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung adalah keluaran yang dikeluarkan oleh industri dalam negeri dan mempunyai perihalan yang sama dengan keluaran yang dinyatakan dalam perenggan 1.

Sebab bagi penentuan awal negatif

4. Berdasarkan penyiasatan, pihak berkuasa penyiasat mendapati bahawa terdapat kenaikan import keluaran semasa tempoh penentuan kemudaratian, iaitu dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014. Walau bagaimanapun, kenaikan import itu bukanlah menonjol atau ketara. Setelah meneliti kesannya terhadap syer pasaran, jualan, pengeluaran, produktiviti, pengambilan kerja, penggunaan kapasiti dan keberuntungan, pihak berkuasa penyiasat telah membuat kesimpulan bahawa import keluaran itu tidak menyebabkan dan tidak mengancam untuk menyebabkan, kemudaratian yang serius terhadap industri dalam negeri yang mengeluarkan keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung.

Penamatkan penyiasatan

5. Berdasarkan sebab yang dinyatakan dalam perenggan 4, Kerajaan menamatkan penyiasatan mulai tarikh penyiaran Notis ini.

Bertarikh 6 Januari 2016
[MITI:ID(S/AP/SG/045/4; PN(PU2)647/V]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

SAFEGUARDS ACT 2006

NOTICE OF NEGATIVE PRELIMINARY DETERMINATION OF AN INVESTIGATION WITH REGARD TO HOT ROLLED COILS PRODUCTS IMPORTED INTO MALAYSIA

(SM 01/15)

IN exercise of the powers conferred by subsection 20(2) of the Safeguards Act 2006 [Act 657] and regulation 10 of the Safeguards Regulations 2007 [P.U. (A) 386/2007], the Government has made a negative preliminary determination in relation to the investigation with regard to the hot rolled coils products imported into Malaysia as described in paragraph 1 ("products").

Products under investigation and tariff classification

1. The products under investigation and its tariff classification are as follows:
 - (a) flat-rolled products of iron or non-alloy steel, hot-rolled, not clad, plated or coated, and flat-rolled products of other alloy steel, in coils, not further worked than hot-rolled, of a width of 600 millimetres or more and of a thickness between 1.20 millimetres to 22.00 millimetres; and
 - (b) the products classified under the Harmonised System Code (H.S. Code) 7208.36 000, 7208.37 000, 7208.38 000, 7208.39 200, 7208.39 900 and 7225.30 000 and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature (AHTN) 7208.36.00 00, 7208.37.00 00, 7208.38.00 00, 7208.39.00 20, 7208.39.00 90 and 7225.30.90 00.
2. The H.S. Code and AHTN are given only for information and have no binding effect on the classification of the products.

Like products or directly competitive products

3. The like products or directly competitive products are products which are produced by the domestic industry and have the same description as the products specified in paragraph 1.

Reasons for negative preliminary determination

4. Based on the investigation, the investigating authority has found that there was an increase in imports of the products during the period of injury determination that is from 1 January 2014 to 31 December 2014. However, the increase of the imports is not sharp or significant. Having examined the effects on market share, sales, production, productivity, employment, capacity utilisation and profitability, the investigating authority has reached a conclusion that the imports of the products have not caused and are not threatening to cause, serious injury to the domestic industry that produces like or directly competitive products.

Termination of investigation

5. Based on the reasons specified in paragraph 4, the Government terminates the investigation from the date of the publication of this Notice.

Dated 6 January 2016
[MITI:ID(S/AP/SG/045/4; PN(PU2)647/V]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
Minister of International Trade and Industry